

<p>Dagangan:</p> <p>232. VACUUM SYSTEM (FOR PUBLIC WORK) Trade Name: Multipurpose Vacuum Catch Basin Cleaner Brand : Vacall Model : VC13</p>	<p>Tarif :</p> <p>8508.60.000</p>
<p>Keterangan :</p> <p>Barangan merupakan sebuah <i>vacuum system</i> untuk diletakkan di atas chassis lori. Lori tidak diimport bersekali dengan barangan ini. <i>Vacuum system</i> ini diimport secara <i>Semi Knocked Down (SKD)</i> dan terdiri daripada berikut :</p> <p><i>Engine</i> <i>Blower (Vacuum pump)</i> <i>Centrifugal water pump</i> <i>Water tank</i> <i>Power Boom</i> <i>Hydraulic system with pump and control valves</i> <i>Vacuum intake hose assembly</i> <i>Bottom rotation hydraulically powered</i> <i>Debris container</i> <i>Other accessories</i></p> <p><i>Blower</i> merupakan komponen utama dalam sistem ini dan bertindak sebagai <i>vacuum pump</i> dengan kapasiti blower adalah - <i>16500 CFM, (339.8 cum/min) 235mph</i>. Ianya dipasang pada bahagian belakang tangki sampah (<i>debris container</i>) bagi membolehkan sampah yang disedut melalui <i>vacuum hose</i> dimasukkan ke dalamnya. Blower ini digerakkan dengan kuasa injin.</p> <p><i>Power boom</i> digunakan untuk mengangkat <i>suction hose</i> sehingga pada kadar berat maksimum 1000 lbs. <i>Suction hose</i> diperbuat daripada getah (<i>rubber</i>).</p> <p>Sistem ini juga dilengkapi dengan sebuah <i>water tank</i>. Air dalam <i>water tank</i> digunakan untuk mencuci selepas proses sedutan (<i>vacuum</i>)</p> <p>Kegunaan barangan ini adalah untuk membersihkan sampah-sarap, batu-batuan, lumpur, daun-daun dan sebagainya di dalam longkang dan parit.</p> <p>Cara sistem ini berfungsi :</p> <p><i>Vacuum hose</i> akan dimasukkan ke dalam longkang dengan menggunakan <i>power boom</i>.</p> <p>Bila <i>blower</i> dihidupkan <i>vacuum hose</i> akan menyedut sampah sarap, batu-batuan dan sebagainya masuk ke dalam tangki (<i>debris container</i>) yang berkapasiti 10m³.</p>	

Air digunakan untuk mencuci *vacuum hose*.

Mesyuarat Panel Penetapan Penjenisan (Ketetapan Kastam) Bil. 65/2009 memutuskan barangan ini sesuai diperjeniskan mengikut **Gir 1** di bawah kod tariff **8508.60.000** sebagai ***other vacuum cleaners*** berdasarkan alasan-alasan berikut :

a. Barangan ini merupakan sebuah *vacuum system* yang mana komponennya tidak berada di dalam *same housing*. Oleh itu, ia tidak boleh dianggap sebagai *vacuum with self-contained-electric motor*.

b. *Vacuum system* merupakan fungsi utama. Walaupun sistem ini dilengkapi dengan *power boom* dan *water tank* tetapi ia hanya merupakan fungsi sampingan dengan merujuk kepada *Note 3 to Section XVI Customs Duties Order 2007* :

Unless the context otherwise requires, composite machines consisting two or more machines fitted together to form or a whole and other machine designed for the purpose of performing two or more complimentary or alternative functions are to be classified as if consisting of that components or as being that machine which performs the principal function.

c. EN 2007 di muka surat XVI-8508-1 menyatakan *Subject to Note 1 (d), this heading covers vacuum cleaners of all kinds....*

Gambar :



VACUUM SYSTEM (FOR PUBLIC WORK)
Trade Name: Multipurpose Vacuum Catch Basin Cleaner
Brand : Vacall
Model : VC13